

## ***EXPLICATION DE TEXTE DALAM PENGAJARAN BAHASA BERBASISKAN SAJAK : KERELEVANAN MEMBENTUK MODAL INSAN***

**Naffi Mat, Ph.D**

(Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia)

napiemat@gmail.com

### **Abstrak**

Pendidikan bahasa menjadi wahana terpenting untuk menyalurkan konsep ilmu, membina jati diri serta budaya bangsa. Maka proses membina modal insan yang cemerlang merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Metode *explication de texte* mempunyai kerelevanannya bagi mendidik para pelajar untuk memahami pengajaran komponen sastera dalam bahasa yang berbasiskan sajak. Genre sajak walapun dibina dengan lapisan ungkapan dan frasa dan mempunyai makna serta mesej kemanusiaan yang tersendiri, ternyata untuk memahaminya memerlukan suatu kekuatan yang luar biasa. Secara jelas, merungkai makna untuk mengesan pemikiran yang implisit merupakan tugas guru yang sangat rumit. Justru, tujuan makalah ini untuk melihat metode *explication de texte* mempunyai mekanismenya yang tersendiri untuk membina pengajaran yang efektif bagi tujuan membina modal insan yang berkesan dan bijak untuk membina gaya pemikiran.

**Kata kunci:** pengajaran bahasa berbasiskan sajak, *explication, de texte*, modal insan

### **Mukadimah**

Perkataan yang paling awal diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w ialah 'iqra' yang membawa makna "bacalah". Wahyu yang didatangkan dalam bentuk suruhan "membaca" ini adalah amat bermakna dalam proses pengilmuan, kerana sesiapapun juga cukup maklum akan kepentingan pembacaan dalam proses pengilmuan seseorang. Hal ini sekaligusnya memaknakan betapa Islam memberikan perhatian yang amat utama dalam hubungan dengan ilmu dan proses pengilmuan.

Justeru, berdepan dengan teks sastera terutama puisi moden (sajak) untuk mengajar komponen sastera dalam pendidikan bahasa memerlukan komitmen dan kesungguhan yang luar biasa untuk memahaminya berserta dengan keyakinan batiniyah supaya dapat menghasilkan suatu pengajaran yang berkesan. Komitmen ini secara jelas menjadi kayu ukur untuk meletakkan tahap keprofesionalan diri yang sekaligus menyemai sifat nilai modal insan yang ada pada diri sendiri. Teks yang dibaca melibatkan keupayaan fikiran, saraf, daya intelek, emosi serta nurani untuk mentaakul makna. Setiap baris puisi perlu diamati dan dihayati untuk memperolehi makna dan ini mencabar kewibawaan dan kesanggupan individu dan memerlukan komitmen yang tinggi. Setiap diksni dan frasa perlu dihayati untuk memperolehi makna, dan ini sekaligus memberi impak terhadap kecerdasan minda.

Mahu tidak mahu, pengajaran harus berlaku sebagai proses penyebaran ilmu kepada murid-murid. Menggunakan teks sajak sebagai bahan pengajaran memerlukan perancangan, pengendalian, penyampaian dan penilaian yang sistematis. Pelbagai kaedah dan pendekatan terpaksa dimanipulasikan supaya pengajaran menghasilkan kesan yang efektif di samping melunaskan objektif pengajaran. Elemen yang mencabar guru, ialah prinsip modal insan yang utuh harus berada dalam diri guru supaya pengajaran dapat dipraktik dan direalisasikan dengan berkesan. Murid-murid pasti menadah tangan untuk melihat kewibawaan guru menyelongkar bahan sajak yang akan diajar.

Kaedah-kaedah yang dipilih harus berdasarkan kepada suatu pendekatan yang berkaitan dengan model, prinsip dan teori pembelajaran. Dalam hal ini, segala tindakan yang dilakukan oleh guru untuk memberi kefahaman kepada murid harus seiring dengan objektif pengajaran. Lantaran itu, guru harus bijak dan pandai memilih kaedah yang bersesuaian dengan keadaan murid, masa, tempat dan suasana. Salah satu kaedah yang boleh membantu kefahaman murid untuk mendekatkan sajak dengan mereka ialah *Explication de Texte*.

### ***Explication de Texte* dan Keperluan Ciri-ciri Modal Insan**

*Explication de Texte* atau dikenali juga Pendekatan Pembacaan adalah kemahiran yang penting dalam mana-mana kajian bahasa dan sastera. Ia memainkan peranan penting khususnya perhatian harus diberi tentang apa yang ditulis sebagai sebuah karya. Ianya lebih halus dan prosesnya yang lebih kompleks. Pendekatan ini bukan hanya membaca dan memahami makna penghasilan kerja individu tetapi juga melibatkan diri dalam semua nuansa dan konotasi bahasa yang digunakan oleh penyair. Hal ini memberi apa sahaja maksud tentang penghasilan kerja terutamanya tatabahasa, struktur ayat dan imej sehingga kepada tema yang telah dipersetujui, bagaimana sesuatu mesej tersebut digarapkan dan gambaran keseluruhan yang diberi. Ia melibatkan hampir keseluruhan teks, bermula daripada sekecil bahan linguistik sehingga kepada pernyataan isu yang lebih besar dalam sastera dan memerlukan pemahaman serta penghakiman. Mengikut Dustin Cowell (2002), yang dianalisa dan perlu difahami ialah dari teks yang kurang dari satu halaman – sebuah puisi pendek ataupun kutipan dari teks panjang.

Penjelasan teks adalah sememangnya terperinci dan spesifik terutamanya sajak atau yang telah dipilih daripada kerja yang panjang yang mana untuk mencari fokus dan bentuk kerja secara keseluruhan. Contohnya, mikrosom mengandungi atau memberi gambaran makna mikrosom. Bagi pendekatan *Explication de Texte* ini, perhatian diberikan kepada ketegangan dinamik, pola-pola atau masalah dalam menggambarkan, cara, kandungan persamaan, pengucapan dan sebagainya. Pendekatan ini menjana premis yang sama, iaitu sastera merupakan bahan untuk membina kemahiran yang akan lebih difahami dan dihargai selari dengan sifat semulajadi dan saling berhubungkait dengan bahagian yang diterima. Permahaman akan bermula dengan melihat tema dan persoalan. Perkara ini perlu dilakukan sebelum memulakan teori-teri atau pendekatan literal secara spesifik. Elemen lain yang mencabar kewibawaan persepsi dan pemikiran ialah ragam bahasa, nada, peribahasa dan bahasa kiasan, hubungan petikan dengan karya secara keseluruhan dan hubungan teks (sajak) dengan hal-hal di luar teks.

Perkara yang pasti untuk mendalami sesebuah sajak ialah faktor kemampuan diri yang sedikit sebanyak menggambarkan ketrampilan modal insan yang sedia

tertanam dalam diri ataupun tidak. Konsep membina modal insan sudah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub Ul Haq, seorang pakar ekonomi dari Pakitan mempelopori konsep modal insan ini, iaitu berkaitan dengan pembangunan manusia. Pembinaan modal insan secara dalaman dan luaran sebenarnya merujuk kepada memperkasakan insan itu sendiri. Pada asasnya, modal insan dikaitkan dengan keupayaan seseorang (guru) untuk berkesanggupan memusatkan dirinya untuk membongkar segala rahsia yang terdapat dalam bongkah ilmu dan sekaligus menjadi matlamat akhir kepada kesempurnaan pengajaran itu sendiri. Mengikut Azhar Wahid dan Zawawi Jahya (2009: 26), elemen modal insan itu (guru) harus mempunyai agenda tetapi tetap berfokus kepada kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan. Dalam hal ini, guru akan menggunakan ilmu yang mereka miliki dan seterusnya menyampaikan ilmu tersebut untuk dimanfaatkan oleh murid-murid (siswa). Mengikut Al-Ghazali (1976: 191), keupayaan guru menyampaikan ilmu pengetahuan sehingga mampu merubah hati insan merupakan amal-perbuatan dan ilmu keagamaan. Ini bermakna, kerja-kerja menyelongkar sajak untuk difahami oleh murid memerlukan kekuatan insan guru dari segenap sudut, baik luaran maupun dalaman, supaya pengajaran dan pemahaman nanti lebih efektif.

### ***Explication de Texte* dalam Pengajaran Sajak**

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Prosesnya berlaku antara guru dengan murid. Ia meliputi perkara-perkara yang melibatkan perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan cara yang terancang dan berkesan.

Perkembangan pendidikan dari masa ke semasa telah membawa banyak perubahan dalam merangka aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah. Corak pengajaran masa kini yang lebih inovatif dan konstruk, mengalami proses transformasi dan bertambah maju. Pengajaran dalam konteks masa kini boleh ditafsirkan sebagai satu proses melibatkan kemahiran komunikasi, sains dan seni. Elemen ini perlu diambil kira untuk mengajar seni bahasa yang telah diserapkan dalam transformasi pendidikan bahasa Melayu yang akan dilaksanakan mulai tahun depan.

Pengajaran bahasa memerlukan teknik pengajaran secara praktis yang melibatkan kredibiliti guru untuk mengelola dan melaksanakan kaedah beserta dengan aktiviti yang munasabah dengan peringkat usia serta pengalaman murid. Tujuan memilih pelbagai teknik mengajar dalam pelbagai situasi pengajaran adalah untuk menarik minat murid, mengekalkan perhatian serta membangkitkan rasa ingin tahu murid supaya mencapai objektif pengajaran. Hal ini bermakna kaedah-kaedah yang dipilih untuk proses pengajaran dan pembelajaran harus berdasarkan kepada suatu pendekatan yang berkaitan dengan model, prinsip dan teori pembelajaran, maka apa sahaja cara dan tindakan dan aktiviti untuk memberi kefahaman dan ini merupakan suatu pelaksanaan yang dirangka secara strategik oleh seseorang guru.

Pengajaran menggunakan sajak untuk mengajar bahasa Melayu boleh dianggap suatu proses yang mencabar. Tidak semua guru minat menggunakan sajak, malah tidak semua guru mempunyai perasaan '*'ambitious'*' terhadap genre ini. Sebagai suatu manifestasi pedagogi, diambil contoh sajak dari teks komponen sastera Tingkatan

Empat, iaitu *Harga Remaja* (2009), yang bertajuk "Di Perpustakaan" yang dihasilkan oleh Shafie Abu Bakar. Sajak "Di Perpustakaan" agak jelas mesejnya, iaitu peranan dan fungsi perpustakaan sebagai pusat rujukan ilmu. Di dalamnya tersimpan segala macam khazanah ilmu yang perlu diterokai. Namun begitu, dengan unsur-unsur nilai dan pengajaran yang cukup tinggi untuk dimanfaat akan memberi kesan sampingan sekiranya guru tidak dapat menanganinya dengan bijak dalam setiap sudut pengajaran di bilik darjah. Lantaran itu, pendekatan *Explication de Texte* mampu membantu guru untuk merangka kaedah, teknik dan aktiviti yang sesuai sepanjang pengajaran secara formal berlaku. Aspek pemahaman yang dititikberatkan ialah diksi, bahasa figuratif dan stil. Aspek-aspek lain seperti struktur dan nada merupakan perkara sampingan untuk memahami sesuatu sajak secara mendalam.

### Diksi

Diksi atau pemilihan kata dalam sesuatu sajak membawa makna yang tersurat dan tersirat. Dalam penghasilan sajak, diksi merupakan senjata paling penting yang ada oleh penyair untuk menggarap dan menyusun kata-kata untuk menjadi bait-bait sajak. Diksi-diksi yang disusun dengan susunan bahasa yang terbaik perlu dirungkai dan diberi tafsiran untuk membongkar rahsia makna. Di peringkat ini, cabaran kepada guru tentu sekali hebat. Guru bahasa perlu memecahkan kebuntuan tersebut dengan bijak. Inilah cabaran insan guru supaya kredibiliti guru senantiasa mendapat sanjungan daripada murid-muridnya.

Pendekatan *Explication de Texte* memerlukan bacaan teliti terhadap teks. Melalui teknik ini sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan tanggapan pertama, iaitu persoalan kefahaman. Oleh itu, memahami setiap diksi yang digunakan oleh penyair dapat membantu kefahaman murid dengan bantuan guru. Proses ini dapat dikaitkan dengan penghayatan terhadap teks. Intipati utama semasa pendekatan ini dilakukan ialah memahami diksi-diksi yang dijadikan penanda yang menterjemahkan maksud dan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair.

Metode ini juga adalah satu cara untuk menolong murid-murid mengepreasiasi sajak yang pada awalnya dirasakan terlalu rumit. Salah satu kelebihan analisis seperti ini untuk kelas bahasa adalah kepadatannya. Sekiranya baris dan rangkap sajak dapat difahami secara mendalam melalui penentuannya pada penggunaan diksi, maka ada kemungkinan bahawa struktur karyanya dapat difahami juga. Antara contoh diksi yang boleh dijadikan panduan ialah pada rangkap pertama sajak "Di Perpustakaan", iaitu:

Melangkah ke ruangannya  
Satu pertukaran yang kontras  
Dari kehangatan merata  
Ke kedinginan yang menerpa  
Terlalu hening di sini  
Gua pendeta bersemadi  
Di puncak sepi  
Di sana sini  
Kepala-kepala runduk meneliti  
Mata dan fikir bersebatai.

(Di Perpustakaan, 2009: 18)

Dalam rangkap tersebut, terdapat beberapa diksi atau frasa yang bergaris memberi daya penarik dan indah untuk dihayati maksudnya. Diksi atau frasa bergaris perlu difahami maknanya sebagai langkah untuk memahami teks. Sebagai langkah memahami diksi semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku, kaedah permainan boleh digunakan untuk menarik minat murid. Permainan adalah satu teknik bagi melatih murid-murid memperolehi sesuatu maklumat berdasarkan pada mesej yang tersirat. Aktiviti ini bertujuan bagi menyampaikan objektif pengajaran yang telah dirangka. Malah aktiviti bermain dapat memberi kesan keseronokan secara praktis. Melalui kaedah dan teknik yang tidak membosankan, murid akan memperolehi kepuasan kerana mereka mempelajari sesuatu yang bersesuaian dengan minat, tujuan dan tahap kognitif dan afektif yang ada.

Guru yang bijak akan memilih satu permainan yang bersesuaian dengan tahap kognitif, afektif dan psikomotor. Salah satu contoh yang boleh dilaksanakan ialah permainan silang kata. Guru atau murid boleh menyediakan soalan dan jawapan bagi diksi atau frasa bergaris yang terdapat dalam rangkap pertama sajak "Di Perpustakaan". Permainan sebegini rupa boleh dilaksanakan dalam tempuh masa lima belas minit.

### **Bahasa Figuratif atau Kiasan**

Bahasa figuratif atau kiasan merangkumi gaya bahasa seperti personifikasi, metafora di samping simbol atau imej. Dalam sajak "Di Perpustakaan", bahasa figuratif yang jelas digunakan ialah metafora. Antara contoh metafora yang dapat diketengahkan kepada murid-murid ialah '*'gua pendeta bersemadi'*', '*'gedung peradaban'*', '*'laut ilmu'* dan '*'bahtera ilmu'*'.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kaedah yang boleh digunakan semasa menganalisis atau mengenal pasti bahasa figuratif ialah kaedah sokratik. Kaedah ini adalah mengikut prinsip yang diamalkan oleh Socrates. Kaedah sokratik ini dikenali sebagai kaedah pertanyaan, iaitu bagaimana teknik guru menyoal murid. Kaedah ini menekankan kepada perkembangan kemahiran bersoal jawab yang memerlukan kemahiran berfikir yang mendalam. Kaedah ini akan menjadikan pengajaran berlaku secara dua hala sama ada daripada guru kepada murid atau daripada murid sesama murid. Dalam kaedah ini juga, guru berpeluang memberi masa kepada murid untuk berfikir terlebih dahulu dengan soalan-soalan. Tujuannya supaya berlaku proses penghayatan terhadap sajak yang dibaca dan mereka mampu membuat penilaian secara keseluruhan. Guru juga boleh meminta jawapan daripada murid berkaitan soalan yang ditanya.

Prinsip penting menggunakan pendekatan *Explication de Texte* ini ialah proses pembacaan secara terinci dengan tujuan untuk menemukan fokus atau pola karya itu, baik erti keseluruhan maupun dalam hal kutipan pilihan dengan harapan bahawa erti bahagian kecil dapat mencakupi makna karya itu secara keseluruhan. Ini bermakna, guru perlu memberi panduan dan dorongan atau berada bersama-sama dengan murid semasa proses membaca dilakukan. Di sini, ternyata gabung jalin kemahiran bahasa – lisan, membaca dan menulis – dapat mengukur kemampuan seseorang individu semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Pembelajaran sebenar bukan sekadar menghafal maklumat. Kebanyakan apa yang kita hafal akan lenyap beberapa jam kemudian. Pembelajaran tidak boleh ditelan bulat-bulat. Bagi mengingati apa yang diajar, murid-murid harus memikirkannya.


Guru tidak boleh membuat kerja mental bagi murid-murid kerana mereka harus menggabungkan apa yang didengar dan dilihat sebagai suatu keseluruhan yang bermakna (Mel Silberman, 2009: 7-8). Dalam proses pengajaran, sebagai satu langkah untuk membuka cakerawala minda murid-murid ialah melalui teknik penyoalan. Kekreatifan guru mempelbagai teknik penyoalan dapat mencetuskan proses awal pemikiran kreatif. Ini secara langsung mencabar keupayaan intelek murid-murid. Contoh soalan-soalan berikut boleh dijadikan pedoman supaya murid-murid dapat memahami isi sajak yang dibaca dengan berkesan.

Soalan guru:	Apakah bahasa figuratif yang terdapat dalam sajak "Di Perpustakaan"?
Jawapan murid:	Metafora
Soalan guru:	Apakah dimaksudkan dengan metafora?
Jawapan murid:	Bahasa perbandingan atau kiasan yang menghubungkan satu bahan konkret dengan perkara abstrak.
Soalan guru:	Berikan satu contoh metafora.
Jawapan murid:	<i>Gedung peradaban dan laut ilmu</i>
Soalan guru:	Lagi?
Jawapan murid:	<i>Bahtera ilmu dan gua pendeta bersemadi</i>
Soalan fikiran:	Kenapakah perpustakaan penting dalam hidup seorang murid (siswa)?
Jawapan murid:	<i>[Murid akan mengemukakan pelbagai jawapan berdasarkan pendapat masing-masing.]</i>

Semasa sesi penyoalan, beberapa proses akan berlaku. Apabila soalan dikemukakan kepada murid-murid, suasana pembelajaran akan berubah, iaitu dari mendengar secara pasif akan bertukar menjadi penglibatan secara aktif. Suasana yang kondusif memberi peluang kepada murid supaya meneroka jawapan daripada sajak "Di Perpustakaan" yang dibacanya. Proses ini dilakukan dengan tujuan untuk membina pemikiran kreatif dan kritis serta memberi peluang kepada murid-murid supaya menghayati teks sajak yang dibaca. Malah guru boleh menjana jawapan murid dan sekaligus dapat mengesan tahap kefahaman murid-murid terhadap teks. Kaedah ini memerlukan kemahiran berfikir.

Di samping aspek diksi dan figuratif bahasa, elemen-elemen seperti nada, ragam bahasa, konteks, tekstur puisi dan stail juga boleh dijadikan prioriti utama untuk memahamai sajak melalui kaedah *Explication de Texte* ini. Elemen-elemen tersebut harus dirancang secara teliti supaya dapat memberi impak positif kepada murid-murid. Semuanya bergantung kepada tahap kemampuan guru menyediakan set pengajaran yang lebih efisien.

Elemen budaya turut memainkan peranan penting semasa mengendalikan pengajaran. Kaedah *Explication de Texte* ini mementingkan pemahaman. Maksud yang ingin disampaikan oleh penyair mengisyaratkan makna karya secara keseluruhan. Untuk mencapai tujuan ini, bacaan teliti dan secara cermat pada semua baris dan rangkap akan membentuk sebuah pola yang dapat dimanfaatkan untuk menyusun sebuah analisa formal secara bertulis. Secara umumnya, guru dapat melihat perkaitan berikut:



Gambar 1  
Perkaitan Hasil Bacaan

Kerangka begini harus dibina supaya murid-murid dapat memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penyair. Proses pemahaman melalui diksi-diksi yang dipilih perlu dibuat rumusan supaya pada peringkat akhir pemahaman murid-murid mampu memberi gagasan maksud secara keseluruhan. Keinginan murid ialah pemahaman. Pada tahap ini, guru seupaya mungkin inginkan murid-murid faham sesuatu teks sajak. Pemahaman menjadi natijah utama untuk menanam rasa cinta murid-murid kepada sajak. Secara psikologi, pemahaman yang meringan minda murid-murid dapat membantu pembinaan kecergasan pemikiran supaya mampu berhujah dan melontar pendapat secara kreatif dan kritis.

Setelah proses ini berjaya, guru mengatur langkah seterusnya, iaitu untuk mengadaptasikan pemahaman tersebut untuk mengajar kemahiran bahasa secara tersusun berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan. Langkah seterusnya ialah mengatur perancangan ilmu. Guru mungkin telah menyediakan untuk mempelajari struktur pembinaan sajak yang merangkumi tema, persoalan, bentuk, gaya bahasa, mesej, nila dan pengajaran. Di samping itu, guru juga menyerapkan ilmu bahasa yang berusaha memperkasakan minda murid-murid berkaitan dengan ilmu tatabahasa, kefahaman dan penulisan.

Pengajaran secara teliti melalui kaedah ini, pada pengajaran yang seterusnya, guru dapat mencungkil keupayaan murid untuk menyatakan aspek-aspek kebahasaan yang menjadi akternatif, pengajaran tersebut menjadi lebih seronok dan efektif. Secara tidak langsung, kaedah *Explication de Texte* ini dapat membantu memudahkan proses pemahaman murid-murid terhadap sajak yang diajar sebagai komponen dalam pengajaran bahasa.

## Kesimpulan

Kesimpulan, proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pembentukan modal insan yang berpasak dalam diri seseorang guru. Ibarat kata: tepuk dada tanya selera. Kejayaan sesuatu pengajaran yang terancang terletak pada kewibawaan dan komitmen untuk merancang pengajaran yang berkesan. Apakah lagi untuk mengajar

bahasa yang menggunakan bahan sajak, yang diketahui memberi impak yang negatif baik kepada guru maupun murid-murid. Kewibawaan dan kesediaan guru menjadi prioriti utama. Kesediaan minda serta kesediaan menghayati sajak di samping sejauh mana guru menyediakan media serta alat pengajaran akan menjadi ukuran keberkesan seseorang guru. Di samping itu, kaedah pengajaran bahasa hendaklah dipilih berdasarkan suatu pendekatan. Pengajaran yang disusuli dengan teknik dan aktiviti melalui kaedah *Explication de Texte* ini perlu mengambil kira kesanggupan guru dan keupayaan murid. Hal ini merujuk kepada kebijaksanaan guru memilih pendekatan serta kecekapan merancang. Apa yang penting murid dapat memahami teks dan di akhir pengajaran dan pembelajaran murid-murid rasa seronok dan puas. Sikap untuk tidak memahami atau tidak memperdulikan sajak sebagai wahana untuk memperkasakan bahasa setiap individu dapat dihakiskan.

### Rujukan

- Al-Ghazali (1976): *Ihya' Ulumiddin*. terj. Maisir Thaiba, A. Thaher Hamidy dan H.A. Hanifah Z. Pustaka Indonesia, Medan.
- Azhar Wahid & Zawawi Yahya (2009): Pendidikan Pembangunan Modal Insan. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Cowell, Dustin (2002): "Belajar bahasa dan Budaya Melalui Teks-teks Sastera dengan Pendekatan "Explication de Texte". dlm. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia. 7-8 Ogos 2002, Pulau Pinang. Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009): Harga Remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mel Silberman. (2009): Pembelajaran Aktif. Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.